



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Perkastaman,
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 Putrajaya,
MALAYSIA.

No. Tel : 03-8882 2649
No. Fax : 03-8889 5866
Laman Web : www.customs.gov.my



Diiktiraf MS ISO 9001 : 2000
Pengurusan Pembayaran Kepada Pembekal dan
Warga Kastam Diraja Malaysia di Ibu Pejabat

Rujukan : KE.HE (44)413/03-1/Kit.2(18)

Tarikh : 25 Mei 2011

Semua Pengarah Kastam, Ibu Pejabat

Pengarah, Bahagian Perundangan, Ibu Pejabat

Semua Pengarah Kastam Negeri

Pengarah Kastam LTAB, Kuala Lumpur

Pengarah AKMAL, Melaka

**Pemungut Cukai Kastam Persekutuan,
Singapura**

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan

PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

Adalah saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan dimaklumkan bahawa Akta Perdagangan Strategik 2010 telah diwartakan pada 10 Jun 2010 manakala Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) 2010, Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik 2010, Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhadap dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 dan Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 telah diwartakan pada 31 Disember 2010 dan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2011.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah salah satu agensi yang menguatkuasakan Akta ini. Semua pengeksporan barang strategik yang disenaraikan dalam Bahagian 1 dan 2 Jadual kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 termasuk barang tidak tersenarai adalah dikenakan permit eksport. Penguatkuasaan Akta Perdagangan Strategik 2010 adalah 01 April 2011.

3. Sehubungan dengan itu, kawalan pengeksportan barang strategik dan barang tidak tersenarai di pintu-pintu keluar negara adalah melalui `Self-Declaration` (*Voluntary Compliance*) di mana pengeksport/agen penghantaran akan membuat pengikraran di dalam medan mandatori di skrin *front end* untuk K2 Eksport dan K8 Eksport, sama ada barang yang dieksport itu dikenakan permit di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 atau tidak.

4. Bagi barang strategik untuk tujuan transit, tiada permit transit diperlukan untuk barang strategik yang disenaraikan dalam Bahagian 1 dan 2 Jadual kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 jika syarat-syarat berikut dipuaskan:-

- 4.1. barang strategik itu tiba di suatu zon perdagangan bebas dengan serta-merta selepas barang strategik itu dibawa ke dalam Malaysia;
- 4.2. barang strategik itu berada dalam zon perdagangan bebas pada setiap masa sebelum barang strategik itu dibawa keluar dari zon perdagangan bebas itu untuk dieksportkan dari Malaysia; dan
- 4.3. tempoh yang barang strategik itu berada dalam zon perdagangan bebas tidak lebih daripada 30 hari sama ada barang strategik itu dibawa ke dalam Malaysia menerusi laut, udara atau darat.

5. Permit transit tidak akan dikeluarkan untuk transit barang strategik yang disenaraikan dalam Bahagian 1 dan 2 Jadual kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 termasuk barang tidak tersenarai ke Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) dan Republik Islam Iran kecuali permit khas. Walaubagaimanapun, permit transit adalah diperlukan untuk barang ketenteraan ke negara seperti berikut:-

- 5.1. Republik Demokratik Congo;
- 5.2. Ivory Coast (Cote d' Ivoire);
- 5.3. Lebanon;
- 5.4. Sudan;
- 5.5. Afghanistan;
- 5.6. Iraq;
- 5.7. Liberia;
- 5.8. Rwanda;

- 5.9. Somalia;
- 5.10. Libya
- 5.11. Eritrea (tertakluk kepada permit transit untuk barang ketenteraan terhad).

6. Bagi barang strategik untuk tujuan pemindahan kecuali barang strategik yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Perdagangan Strategik 2010 iaitu barang ketenteraan dan barang dwi kegunaan, tiada permit pemindahan diperlukan untuk barang strategik yang disenaraikan dalam Bahagian 1 dan 2 Jadual kepada Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 jika syarat-syarat berikut dipuaskan:-

- 6.1. barang strategik itu tiba di suatu zon perdagangan bebas dengan serta-merta selepas barang strategik itu dibawa ke dalam Malaysia;
- 6.2. barang strategik itu berada dalam zon perdagangan bebas pada setiap masa sebelum barang strategik itu dibawa keluar dari zon perdagangan bebas itu untuk dieksportkan dari Malaysia; dan
- 6.3. tempoh yang barang strategik itu berada dalam zon perdagangan bebas tidak lebih daripada 30 hari sama ada barang strategik itu dibawa ke dalam Malaysia menerusi laut, udara atau darat.

7. Pelaksanaan 'Test Run' untuk pengikraran secara 'Self-Declaration' (*Voluntary Compliance*) akan mula dari 01 Julai 2011 hingga 31 Julai 2011 dan dalam tempoh sebulan tersebut, Sistem Maklumat Kastam (SMK) tidak akan membuat validasi ke atas pengikraran tersebut. Walaubagaimanapun mulai 01 Ogos 2011, semua pengikraran akan divalidasikan oleh SMK.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HJ. MD SALLEH BIN SAID)
Pengarah Kastam